

19/04/2002

Saham PBA catat premium 14 sen

PBA Holdings Bhd (PBA), syarikat pegangan pelaburan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPPSB), memulakan dagangan sulungnya di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan mencatat premium 14 sen.

Pada pembukaan dagangan semalam, saham syarikat itu diniagakan pada RM1.44 sesaham berbanding harga tawarannya RM1.30 sesaham.

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga adalah Pengerusi PBA, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata beliau berpuas hati dengan harga premium yang dicatatkan itu.

"Kami amat gembira dengan pencapaian itu dan kami diberitahu ia adalah pencapaian terbaik bagi kaunter baru di Papan Utama BSKL tahun ini, di lihat daripada jumlah urus niaga," katanya pada sidang akhbar selepas penyenaian saham syarikat itu di BSKL, semalam.

Pada sidang akhbar itu Hilmi turut mengadakan perbualan telefon secara langsung dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang sedang berada di Maghribi kerana mengikuti lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dr Koh adalah Pengerusi PBA.

Ketika awal dagangan semalam, sejumlah 1.575 juta saham diurusniagakan.

Pada penutupan, kaunter PBA muncul sebagai kaunter paling cergas apabila ditutup pada RM1.70 dengan 37.684 juta saham didagangkan.

Saham syarikat itu mencatatkan harga tertinggi RM1.77 manakala harga terendahnya ialah RM1.44 sesaham.

Bagi tujuan penyenaianannya, PBA membuat terbitan awam sejumlah 51 juta saham baru 50 sen dan tawaran jualan 97.95 juta saham 50 sen pada harga tawaran RM1.30 sesaham.

(END)